



TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
KEM INTEGRASI PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT 2015 DEWAN
SEMAI BAKTI, FELDA RIMBA MAS,
PADANG BESAR, PERLIS**

PADA 04 OKTOBER 2015 (AHAD)

(Salutasi)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Satu Malaysia

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di dalam Dewan Semai Bakti, Felda Rimba Mas bersempena dengan Majlis Perasmian Penutup Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat 2015 anjuran bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kerajaan Negeri Perlis.
2. Pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Hajah Rela Ahmad, Exco Kebajikan Negeri Perlis, YBhg Dato Sabariah Hassan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan YBhg Dato' Hj. Zulkiply Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat 2015.
3. Kem Integrasi yang telah diadakan selama 3 hari 2 malam ini merupakan kali kedua diadakan sejak Perintah Khidmat Masyarakat

(PKM) dilaksanakan pada tahun 2008. Felda Rimba Mas, Padang Besar Perlis telah terpilih menjadi tuan rumah bagi tahun 2015. Program ini turut mendapat kerjasama pelbagai agensi dalam memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan sosial dan memerangi jenayah. Ini selaras dengan pendekatan memerangi isu-isu sosial adalah tanggungjawab bersama.

TUJUAN KEM INTEGRASI PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT 2015

Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kem Intergrasi ini merupakan kemuncak bagi program yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat negeri dan daerah bagi tahun 2015. Sebanyak 75 program peringkat negeri dan zon telah dijalankan sepanjang tahun ini di seluruh negara. Antaranya ialah seperti Program Pemulihan (*Transformasi Gen Y*), Program Jati Diri (*The New Me*), Program Penginsafan (Harga sebuah kebebasan) dan Program Kerohanian (Mencari Sinar Dai'e) serta kerja-kerja khidmat masyarakat yang telah dijalankan.
5. Segala program yang dilaksanakan sebenarnya bukan sekadar hukuman kepada pelatih PKM. Malahan ia juga melibatkan program kesedaran bagi ibu bapa dan keluarga seperti program keibubapaan (Ku Taut Kasih Terlerai). Usaha ini adalah untuk meningkatkan kemahiran ibu bapa membimbing dan menyediakan khidmat sokongan terhadap pelatih.

6. Saya yakin dan percaya bahawa pelaksanaan program Kem Intergrasi ini akan memberi pendedahan serta maafaat kepada Pelatih PKM, seterusnya komuniti Felda Rimba Mas. Saya amat berbangga Pelatih PKM dapat memberi sumbangan bakti kepada masyarakat di sini setelah mereka sedar akan tanggungjawab sosial yang perlu dikembalikan oleh mereka kepada masyarakat. Program ini merupakan salah satu platform bagi program “*Out Reach*” yang diutamakan oleh kerajaan dalam usaha mendekati masyarakat dan memberi penerangan berkaitan perkhidmatan oleh agensi-agensi kerajaan.

7. Pelaksanaan program Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat adalah bertujuan memberi Pelatih PKM manfaat dalam bentuk memupuk rasa tanggungjawab mereka kepada masyarakat. Di samping itu, menyuntikkan rasa keinsafan dan tekad membuat perubahan pada diri dan amalan sehari-hari mereka.

PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT SEBAGAI SATU HUKUMAN ALTERNATIF

Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sebagai makluman, Perintah Khidmat Masyarakat merupakan salah satu perintah alternatif yang boleh dikenakan kepada pesalah muda yang berumur 18 tahun ke atas dan di bawah umur 21 tahun di bawah Seksyen 293 (e)(i) Kanun Tatacara Jenayah. Perintah Khidmat Masyarakat bermatlamat untuk memberi pengajaran dan pencegahan terhadap pesalah muda daripada mengulangi jenayah pada masa hadapan, seterusnya mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat. Generasi muda merupakan pewaris bangsa dan aset berkualiti untuk menerajui kepimpinan pada masa hadapan. Justeru itu, inisiatif-inisiatif kerajaan khususnya terhadap golongan muda diberi keutamaan untuk menambah nilai modal insan di dalam membentuk generasi terbaik di kalangan generasi muda dalam mempastikan negara mempunyai tenaga yang terbaik bagi masa depan yang lebih cemerlang.

PENCAPAIAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

10. Berdasarkan statistik, sejak Perintah Khidmat Masyarakat diperkenalkan pada tahun 2008 hingga Jun 2015. Seramai 3,892 orang Pesalah Muda telah diperintahkan menjalani Perintah Khidmat Masyarakat di mana 2,851 orang telah tamat menjalani perintah dengan jayanya. Ini menunjukkan bahawa Perintah Khidmat Masyarakat adalah berkesan sebagai suatu hukuman alternatif terbaik dalam memberi peluang kepada Pesalah Muda kembali ke

pangkuan masyarakat berbanding sekiranya mereka di masukkan ke penjara.

11. Kajian Keberkesanan Program Perintah Khidmat Masyarakat Dalam Kalangan Pesalah Muda yang dijalankan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) tahun 2013, secara keseluruhannya mendapati 95.7% pelatih dan bekas pelatih PKM yang menjadi responden kajian bersetuju bahawa program dan aktiviti Perintah Khidmat Masyarakat adalah berkesan. Program ini telah memberi peluang kepada mereka memperbaiki diri daripada terjerumus semula kepada masalah yang melibatkan kesalahan perundangan serta memberi input penting kepada Pesalah Muda dalam membentuk jati diri positif dan nilai-nilai murni.
12. Bagi memperkuatkan lagi keupayaan pegawai JKM dalam melaksanakan PKM ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia telahpun membangunkan Modul Pelatih PKM. Kurikulum Modul Pelaksanaan Program Pelatih PKM ini disusun rapi bagi memastikan pelaksanaan aktiviti mengikut teras asas PKM iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan. Modul ini seterusnya dijadikan panduan pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat dalam proses pemulihan Pelatih PKM yang lebih mantap dan berkesan.
13. Berdasarkan tinjauan rambang yang dijalankan terhadap 608 bekas pelatih PKM, didapati sebanyak 381 kes telah berjaya mendapatkan

pekerjaan di dalam pelbagai sektor, 22 kes telah berjaya melanjutkan pelajaran, 72 kes menganggur manakala 133 kes gagal dikesan. Ini menunjukkan 62% bekas pelatih PKM telah berjaya mempunyai pekerjaan tetap manakala 3.4% pula melanjutkan pelajaran di peringkat sijil hingga ijazah, di mana 7 kes telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjanamuda di Universiti Tempatan. Bagi mengemaskini data bekas pelatih PKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang dalam proses mengumpulkan kembali profil semua bekas pelatih bagi memudahkan Jabatan merangka strategi terbaik membantu mereka. Sebagai permulaan semua bekas pelatih akan didaftarkan sebagai ahli alumni PKM dan digalakkan menyertai Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

PERANCANGAN MASA HADAPAN PESERTA PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

Dato'-dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian,

14. Selain daripada pelaksanaan program pemulihan, penginsafan dan hukuman, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga turut memberi fokus kepada perancangan masa depan Pelatih PKM. Program peningkatan kerjaya dalam bidang keusahawaan merupakan satu inisiatif baru kepada Pelatih PKM, dimana pelatih yang berminat dan berkebolehan diberi geran pelancaran. Pada tahun 2015, sehingga

bulan Jun seramai tujuh orang Pelatih PKM telah diberikan bantuan geran pelancaran dalam pelbagai bidang keusahawanan seperti pemasangan “tile”, pendawaian elektrik, menjahit sofa dan langsir serta perniagaan salon rambut. Bagi sasaran tahun 2016, setiap daerah akan diwajibkan menjayakan satu projek peningkatan kerjaya Pelatih PKM dan akan diberi geran pelancaran.

15. Antara perancangan lain yang telah disusun adalah untuk menjadikan peserta ini sebagai peserta 1AZAM KPWKM yang mana bantuan akan diberikan bagi menjalankan perniagaan seperti peralatan kedai makan, peralatan mencuci kereta serta beberapa pakej yang bersesuaian dengan peserta. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga akan turut sama menjalankan kolaborasi bersama beberapa syarikat yang menyediakan skim latihan kepada peserta yang berminat dan secara tidak langsung akan memberikan peluang pekerjaan kepada mereka.
16. Bagi memastikan perancangan peningkatan kerjaya pelatih PKM yang berimpak tinggi, pada tahun 2016, Jabatan Kebajikan Masyarakat merancang untuk menjalinkan usahasama dengan konglomerat automobil nasional bagi menjayakan program penempatan pekerjaan kepada pelatih PKM. Pelatih-pelatih ini akan dihantar menjalani latihan kemahiran di perusahaan tersebut dan akan diserap sebagai pekerja tetap setelah tamat menjalani latihan.

PENUTUP

17. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur kem ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kerajaan Negeri Perlis, Felda Rimba Mas, agensi-agensi kerajaan yang terlibat dan penduduk Felda Rimba Mas serta semua pihak yang menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kem ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan Kem Integrasi Perintah Khidmat Masyarakat 2015.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum w.b.t